

14/04/1999

Media asing ada agenda terancang

agopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Tindakan media asing meramalkan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan didapati bersalah sebelum mahkamah membuat keputusan, membuktikan mereka mempunyai agenda terancang untuk mempertikaikan institusi kehakiman negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyifatkan media asing mendahului mahkamah apabila mereka membuat ramalan berhubung keputusan kes rasuah membabitkan Anwar itu.

"Mereka sudah menjatuhkan hukuman dan mendahului mahkamah (sedangkan) kita tidak hukum lagi. Kita tunggu mahkamah dulu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan CD-ROM multimedia interaktif "Mahathir: CEO Malaysia Inc" di sini hari ini.

Menurutnya, media asing nampaknya lebih mementingkan pandangan mereka sendiri dan mengutamakan apa yang mereka hendak sampaikan.

Sebaliknya, katanya, soal apa keputusan yang mahkamah hendak buat berhubung kes itu, mungkin tidak penting bagi media asing.

"Pendapat itu akhirnya akan menjadi pendirian media asing dalam memberi sebarang komen berhubung kes terbabit," katanya.

Abdullah berkata, media asing sendiri selalu melaungkan kebebasan akhbar, tetapi mereka sendiri lebih cenderung untuk menggunakan kebebasan itu bagi membuat pelbagai kenyataan tanpa mengendahkan kedudukan dan situasi di negara ini.

Katanya, kerajaan sendiri tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan selepas kes itu dibawa ke mahkamah kerana boleh menyebabkan subjudice.

"Biarlah mahkamah yang buat keputusan kerana kita bergantung kuat kepada keadilan mahkamah dan kedaulatan undang-undang," katanya.

Semalam, akhbar tempatan memetik beberapa laporan media asing yang meramalkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan didapati bersalah apabila mahkamah membuat keputusan esok mengenai tuduhan rasuah terhadapnya.

Mereka turut mempersoalkan sistem kehakiman negara yang didakwa tidak adil dan menganggap Anwar mangsa konspirasi politik selain menyifatkannya sebagai 'syahid' politik serta menguntungkan pihak yang cuba menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional.

Serentak itu, agensi media asing yang mula berhimpun di sini kembali mengeluarkan berita dan gambar berkaitan kes Anwar, terutama kecederaan yang disebabkan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, pula berkata media asing menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab dengan 'menjatuhkan hukuman' dan memburukkan negara walaupun tidak mengikuti keseluruhan kes itu.

"Yang jelas, ini sememangnya sikap media asing tetapi kita tidak harus terpengaruh kerana ia hanya akan menjejaskan institusi negara seperti sistem kehakiman, demokrasi berparlimen dan perundangan negara.

"Sebagai rakyat, kita seharusnya menghormati dan mempertahankan institusi ini. Jika ada kelemahan, kita baiki," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Ditanya mengenai kemungkinan berlakunya perhimpunan esok, Hishamuddin berkata tidak mustahil keadaan itu akan digunakan media asing untuk memburuk-burukkan negara.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai khususnya golongan pelajar supaya tidak terbabit dalam perhimpunan terbabit, sebaliknya

menggunakan saluran yang betul bagi menyuarakan rasa tidak puas hati.

Ketua Unit Jabatan Kajian Strategik dan Keselamatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Kamarulnizam Abdullah, pula menganggap media asing cuba memburuk-burukkan negara dunia ketiga terutama kerajaan yang tegas dalam pendirian mereka menerusi agenda terancang.

"Mereka tidak berusaha mencari kelemahan negara-negara dunia ketiga yang cenderung kepada Barat.

"Sebaliknya, akan menulis pelbagai kelemahan kerajaan yang lantang dan galak menentang kehendak mereka serta tegas dengan pendiriannya," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dr Khairulnizam berkata, rakyat Malaysia sudah terlalu matang untuk menerima andaian dan ramalan media Barat berkenaan.

"Kerajaan juga tidak perlu bersifat `apologetik' dengan laporan seumpama itu," katanya.

Menurut Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, pula tindakan meramalkan keputusan mahkamah itu tidak beretika dan mempertikaikan kewibawaan hakim yang akan membuat keputusan.

"Ini jelas menunjukkan media asing bukan saja mempersoalkan peranan mahkamah, tetapi tidak menghormati sistem perundangan dan rakyat Malaysia sendiri secara amnya.

"Jika tindakan itu boleh ditafsir sebagai menghina, maka mahkamah boleh dengan usulnya tersendiri meluluskan prosiding menghina mahkamah terhadap pihak terbabit.

"Kalau hendak membuat ramalan janganlah berat sebelah tetapi biar berbentuk polemik serta isu pro dan kontranya seimbang," katanya.

(END)